

Kawal kos pentadbiran

PM mahu peruntukan pembangunan diguna secara maksimum

BH - 13/4/2006

Oleh Kadir Dikoh, Shamsul Azree Samshir dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua agensi kerajaan mengawal perbelanjaan supaya kos pentadbiran tidak terlalu tinggi sehingga ke tahap 40 peratus daripada jumlah peruntukan untuk sesuatu projek pembangunan.

Perdana Menteri berkata, kos pentadbiran, pengurusan dan logistik perlu diminimumkan supaya peruntukan membiayai projek untuk golongan sasar digunakan secara optimum hingga menepati matlamat asal.

Katanya, wang bagi membiayai kos pentadbiran perlu setimpal dengan projek yang hendak dilaksanakan, selaras arahan mengkehendaki semua agensi kerajaan memastikan wang yang dibelanjakan mencapai matlamat secara berkesan dari segi kos.

Sebagai contoh, kata beliau, peruntukan projek bernilai RM100,000 tetapi kos pentadbiran menjangkau hingga RM40,000 menyebabkan hanya RM60,000 digunakan bagi membiayai projek untuk dinikmati rakyat.

"Ada juga projek yang terpaksa keluar wang pentadbiran banyak oleh sebab suatu situasi. Nak bantu, nak bawa barang pergi ke pedalaman, sewa lori, helikopter hanya untuk bawa barang diperlukan, nak membangun sekolah.

"Banyak duit (kos pentadbiran)... itu kita fahamlah," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja dan mempengerusikan mesyuarat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsudin; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamad Yakcop dan Timbalan Menteri Kemajuan



DENGAR TAKLIMAT: Abdullah dan Najib mendengar taklimat yang disampaikan ketika mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Luar Bandar dan Wilayah di Putrajaya, semalam.

Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr Tiki Lafe.

Abdullah berkata, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) akan memastikan setiap peruntukan projek dibelanjakan dengan berkesan terutama dalam membiayai kos pentadbiran.

Ditanya sama ada kerajaan me-

“Mesti pastikan wang secukupnya dibelanjakan untuk kumpulan sasar dan dijamin sebolehnya wang pentadbiran, pengurusan dan logistik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

netapkan siling tertentu seperti peratusan kecil sebagai kos pentadbiran, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata:

"Kita tak buat siling begitu kerana situasi berlainan terutama apabila membabitkan logistik yang perlu perbelanjaan tinggi walaupun kumpulan sasar yang duduk di kawasan jauh tak begitu besar.

"Mesti pastikan wang secukupnya dibelanjakan untuk kumpulan sasar dan dijamin sebolehnya wang pentadbiran, pengurusan dan logistik kerana ia bergantung kepada lokasi projek itu.

"Ini khususnya jika ia membabitkan kawasan pedalaman dan luar bandar, yang memerlukan kos pentadbiran yang lebih tinggi berbanding di kawasan bandar."

Abdullah berkata, kementerian akan terus melaksanakan program membasmi kemiskinan terutama yang membabitkan golongan tegar

yang disasarkan dapat diatasi sepenuhnya menjelang 2010.

"Saya telah menegaskan betapa pentingnya kementerian beri perhatian dan tumpuan kepada usaha mengurangkan kemiskinan terutama membasmi kemiskinan tegar.

"Mengikut jadual, ia dapat dicapai pada 2010 dan dengan itu usaha ke arah pembasmian kemiskinan tegar mesti dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan projek mesti beri kesan," katanya sambil menambah kementerian akan menjadi penyelarasan kepada program membasmi kemiskinan yang dikendalikan pelbagai agensi.

Abdullah berkata, projek tertentu seperti yang membabitkan sektor pertanian akan diselaraskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani manakala program pra persekolahan kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) akan diseliahi Kementerian Pelajaran.